

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Peguam Negara untuk proses pelantikan Pendakwa Raya Kanan (*Senior DPP*) di jabatan berkenaan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] memperuntukkan kuasa Pendakwa Raya untuk melantik seseorang yang layak dan sesuai sebagai Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") dan Pendakwa Raya juga boleh menetapkan seseorang TPR itu sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan ("TPR Kanan"). Kriteria utama bagi pelantikan TPR iaitu "orang yang layak dan sesuai" turut terpakai bagi penetapan seseorang TPR Kanan. Hasrat Parlimen dalam menggubal peruntukan ini bertujuan untuk memperkukuh kedudukan Jabatan Peguam Negara dengan memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk menetapkan seseorang pekhidmat awam yang kanan, berpengalaman dan pakar dalam menjalankan perbicaraan atau rayuan bagi kes-kes yang melibatkan kepentingan awam sebagai TPR Kanan.

Sekian, terima kasih.